

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 JUNE 2016

# Jatuhkan Najib: Hadi akui ditemui Tun M

Um - 13/6/2016

## ■ SEKINCHAN 12 JUN

**P**RESIDEN Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengaku bahawa bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menemui beliau tiga bulan yang lepas untuk membincangkan rencana menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Abdul Hadi berkata, beliau bagaimanapun menolak pelawaan itu kerana menganggap ia tidak memberi sebarang faedah kepadanya mahupun parti itu.

"Pas tidak menentang individu, tidak menentang orang tetapi menentang pendekatan menggunakan konsep dan dasar. Sekiranya orang diubah tetapi dasar dan pendekatannya sama, tiada perubahan juga," katanya kepada pemberita ketika melakukan sesi *walkabout* di sekitar bazar Ramadan pekan Sekinchan,

di sini hari ini.

Mengenai dakwaan Tun Mahathir bahawa beliau makan 'dedak' Najib, Presiden Pas itu secara sinis memulangkan soalan siapa yang mula mengajar memberi dedak sebelum ini?.

"Kerana Pas tidak makan dedak maka dengan itu Pas boleh teruskan perjuangan tak ada politik wang, politik BR1M, siapa yang ajar?."

"Selagi tak mengubah pendekatan, tak ubah perangai, selagi itulah perkara ini akan berlaku," ujar beliau.

Mengulas saranan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad agar UMNO dan Pas berganding demi mengukuhkan kedudukan Melayu dan Islam, Abdul Hadi berkata:

"Kita ada garis panduan dalam al-Quran...kembali kepada al-Quran, hadis sepenuhnya barulah kita boleh bersatu."

"Kita tak gopoh, seperti mana rang undang undang persendirian, itu satu langkah kerjasama sangat baik dan positif," katanya merujuk laluan yang diberikan oleh kerajaan baru-baru ini untuk beliau mengemukakan Rang Undang-undang Persendirian bagi meminda Akta Mahkamah Syariah di Dewan Rakyat.

Pada sesi *walkabout* itu, jentera parti menawarkan beberapa aktiviti kepada orang ramai termasuk pemeriksaan kesihatan dan menukar minyak pelincir motor secara percuma.

Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar menyaksikan pertembungan tiga penjurua antara Barisan Nasional (BN), Pas dan Parti Amanah Negara (Amanah) berikutan kematian Tan Sri Noriah Kasnon dalam nahas helikopter di Sebuyau, Sarawak 5 Mei lalu. - BERNAMA